



**USM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN**  
**SCHOOL OF EDUCATIONAL STUDIES**

**PPK 211**

**MASALAH PEMBELAJARAN**

**PENSYARAH : DR. NORAINI BT ABDULLAH**

**ULASAN JURNAL**



**NAMA : MOHAMAD NUR IRFAN BIN MAT NOOR**

**NO MATRIK : 142591**

**NO K/P : 981010-11-5399**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK JURNAL</b>
1.	Genggaman Pensel Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis.
2.	Penggunaan Peneguhan Positif Iaitu Ganjaran Videoklip Lagu Kanak-Kanak Dalam Pengubahsuaian Tingkah Laku Murid Sindrom Down
3.	Supporting Slow Learners' In Learning Mathematics At Primary School Level
4.	Quality Of Life In Autism Spectrum Disorder

## **ULASAN JURNAL 1**

**Tajuk Jurnal** : Genggaman Pensel Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis.

**Penulis** : Lim Chen Yin , Mohd. Hanafi Mohd. Yasin dan Mohd. Mokhtar Tahar

**Jurnal** : *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 65 Malay Language Education Journal (MyLEJ)*.

### **PENGENALAN**

Kecekapan menulis semasa belajar adalah penting kepada setiap murid kerana kegagalannya boleh membawa kesan negatif kepada keyakinan diri dan pencapaian akademik. Kecekapan menulis merupakan satu halangan kepada pencapaian akademik di sekolah khususnya dalam Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran (PPKIBP). Kategori kanak-kanak bermasalah pembelajaran (KKBP) di Malaysia dalam PPKIBP adalah Sindrom Down, Autisme Ringan, Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD), Terencat Akal Minimum, dan Bermasalah Pembelajaran Spesifik seperti Disleksia). Oleh sebab itu, murid-murid yang mempunyai masalah menulis akan menunjukkan skor genggaman yang lebih rendah berbanding dengan murid-murid yang tiada masalah menulis (Schneck 1991; Schneck & Henderson 1990). Kajian yang dijalankan oleh Rosenblum, Goldstand dan Parush (2006) menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara penulis mahir dan penulis tidak mahir dalam semua faktor ergonomik termasuk genggaman pensel. Hal ini disokong dengan pernyataan Abdul Rasid (2011) bahawa masalah ketidakcekapan koordinasi mata dan tangan semasa menulis. Ketidakupayaan ini dikesan semasa murid memegang pensel dengan cara yang tidak betul mengakibatkan murid tidak dapat menulis.

### **METADOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Kajian ini terdiri daripada semua KKBP yang mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran (PPKIBP) di sekolah rendah yang disediakan oleh KPM dalam daerah Klang, Selangor. Kajian ini dijalankan di lapan buah sekolah rendah PPKI daripada 12 buah sekolah rendah PPKI dengan sebuah sekolah sebagai kajian rintis yang dipilih secara rawak. Populasi kajian di daerah Klang sejumlah 609 orang (Pejabat Pelajaran Daerah Klang 2011) dipilih secara rawak daripada senarai sekolah rendah tersebut. Semua ibu bapa telah diberi surat kebenaran

untuk membenarkan anak mereka mengikuti kajian ini. Bilangan sampel ditentukan mengikut jadual penentuan saiz sampel mengikut Krejcie dan Morgan ialah 234 orang (Chua 2006). Kajian ini melibatkan pengambilan gambar genggam tangan pensel semasa menulis oleh 225 orang responden dari tujuh buah sekolah rendah yang mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran di daerah Klang, Selangor. Kajian rintis telah dijalankan terhadap 36 orang responden di sebuah sekolah.

## **DAPATAN KAJIAN**

Kajian tinjauan ini dijalankan untuk mengetengahkan jenis-jenis genggam tangan pensel dalam kalangan KKBP, jenis-jenis peringkat genggam tangan pensel murid-murid bermasalah pembelajaran di peringkat sekolah rendah. Kajian ini bertujuan untuk meninjau jenis-jenis genggam tangan pensel murid-murid yang berkeperluan khas bermasalah pembelajaran dalam Pendidikan Khas di Malaysia bagi memberi maklum balas masalah menulis dari segi genggam tangan pensel (faktor ergonomik) kepada terapis carakerja untuk merancang program pemulihan yang lebih berkesan dan pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) seharian dalam konteks sekolah. Kajian ini juga ingin menentukan perbezaan genggam tangan pensel mengikut kategori KKBP. Dapatan kajian menunjukkan kategori murid Bermasalah Pembelajaran Spesifik mencatatkan peratusan tertinggi bagi ketiga-tiga jenis peringkat genggam tangan pensel iaitu 8.4 peratus (19 orang murid) bagi peringkat matang, 51.6 peratus (116 orang murid) bagi peringkat tidak matang dan 1.8 peratus (4 orang murid) bagi peringkat lain-lain. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada pendidik untuk lebih berfokus kepada cara menggenggam tangan pensel semasa menulis dan ahli terapi cara kerja untuk merancang program intervensi yang lebih berkesan serta memberi maklum balas kepada perancang kurikulum pendidikan tentang penggubalan kurikulum yang lebih berkesan untuk KKBP.

## **PERBINCANGAN**

Penggunaan alat bantuan teknologi sebagai strategi intervensi kerana genggam tangan yang tidak berfungsi boleh dibangunkan dengan penggunaan alat adaptif seperti pemegang getah spesifik atau pensel segi tiga (McMurry, Drysdale & Jordan 2009). Alat-alat bantuan dalam pasaran seperti plastik genggam tangan menulis bertujuan membangunkan genggam tangan tripod semasa menulis (Watkins & Noble 2011). Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa penggunaan alat

adaptif (alat bantuan teknologi rendah) boleh meningkatkan keupayaan menggenggam pensel melalui intervensi pendekatan biomekanikal walaupun dalam zaman era komputer. Hal ini demikian kerana pemahaman yang baik dalam faktor ergonomik membolehkan perancangan program intervensi yang lebih efisien seperti memupuk genggaman yang stabil. Apabila seseorang menggenggam pensel secara tidak matang menunjukkan keperluan yang lebih untuk menstabilkan pensel dengan menekan pensel dengan kuat maka ini akan menyebabkan keletihan yang berlebihan pada otot tangan (Dennis & Swinth 2001).

## **PENUTUP**

Secara kesimpulannya, jenis-jenis genggaman pensel yang digunakan oleh responden adalah genggaman jari silang tapak tangan, genggaman supinate tapak tangan, genggaman dengan lanjutan jari, genggaman ibu jari silang, genggaman tripod statik, genggaman empat jari, genggaman tripod lateral, genggaman tripod dinamik, genggaman thumb tuck, genggaman thumb wrap, genggaman broken type dan genggaman lain-lain. Seterusnya, kategori murid bermasalah pembelajaran spesifik mencatatkan peratusan tertinggi bagi ketiga-tiga jenis peringkat genggaman pensel iaitu 8.4% (19 orang murid) bagi peringkat matang, 51.6% (116 orang murid) bagi peringkat tidak matang dan 1.8% (4 orang murid) bagi peringkat lain-lain.

## **RUJUKAN**

Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Petaling Jaya: Prentice-Hall (M).

Dennis, J. L. & Swinth, Y. (2001). Pencil grasp and children's handwriting legibility during different-length writing tasks. *American Journal of Occupational Therapy*, 55 (2): 175-183.

McMurry, S., Drysdale, J., & Jordan, G. (2009). Motor processing difficulties: Guidance for teachers in mainstream classrooms. *Support for Learning*, 24 (3): 119-125.

Schneck, C. M. (1991). Comparison of pencil-grip patterns in first graders with good and poor writing skills. *The American Journal of Occupational Therapy.: Official Publication of the American Occupational Therapy Association*, 45 (8): 701-706.

Schneck, C. M., & Henderson, A. (1990). Descriptive analysis of the developmental progression of grip position for pencil and crayon control in nondysfunctional children. *The American Journal of Occupational Therapy.: Official Publication of the American Occupational Therapy Association*, 44 (10): 893-900.

Watkins, M., & Noble, G. (2011). Losing touch: pedagogies of incorporation and the ability to write. *Social Semiotics*, 21 (4): 503-516.

## **ULASAN JURNAL 2**

**Tajuk Jurnal** : Penggunaan Peneguhan Positif Iaitu Ganjaran Videoklip Lagu Kanak-Kanak Dalam Pengubahsuaian Tingkah Laku Murid Sindrom Down

**Penulis** : Rayzila Sofraz Yusof, Mohd Hanafi Mohd Yasin Dan Mohd Mokhtar Tahar

**Jurnal** : National University Of Malaysia ,43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

### **PENGENALAN**

Sindrom Down adalah kejadian semulajadi sewaktu kehamilan yang berlakunya kelainan pada kromosom ke 21 yang menyebabkan kanak-kanak ini berbeza dengan kanak-kanak yang lain. Menurut Roizen (1997) Sindrom Down adalah punca genetik yang paling biasa pembelajaran kecacatan dengan kelaziman 1 dalam 700 kepada 1000. Disamping itu, kanak-kanak Sindrom Down sering dikaitkan oleh masyarakat sekeliling dengan kelemahan keupayaan berfikir (kognitif) dan tumbesaran kanak-kanak ini serta mempunyai masalah emosi dan tingkah laku. Menurut Chapman (2003) kebanyakan kanak-kanak yang mengalami Sindrom Down dalam kategori ringan kepada sederhana terjejas pelbagai kognitif keupayaan. Manakala menurut Heward (2003) pula menyifatkan kanak-kanak bermasalah emosi sebagai mereka yang mempamerkan tingkah laku yang melanggar nilai-nilai norma masyarakat. Ekoran dengan itu, kini pendidikan mendisiplin dan mengubahsuaikan tingkah laku murid telah berubah dengan penekanan diberi kepada tingkah laku positif yang baik. Oleh sebab itu, hipotesis yang dimajukan adalah untuk menilai keberkesanan penggunaan peneguhan positif kepada pengubahsuaian tingkah laku murid yang mengalami masalah Sindrom Down.

### **METADOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di sebuah Sekolah Rendah Daerah Jerantut. Kajian ini melibatkan seorang murid Sindrom Down yang mempunyai masalah tingkah laku yang selalu meninggalkan tempat duduk serta mengganggu rakan yang lain ketika proses pembelajaran. Kajian ini menggunakan reka bentuk satu subjek (single subject) untuk menilai pencapaian seorang murid Sindrom Down yang berusia 10 tahun. Bagi melaksanakan kajian ini, skor pemerhatian tingkah laku murid dalam 30 minit dengan kekerapan/time sampling akan direkodkan. Kaedah temubual juga digunakan bersama guru mata pelajaran.

## **DAPATAN KAJIAN**

Kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji pada minggu pertama tanpa menggunakan sebarang kaedah intervensi dapat diperhatikan dimana murid melakukan tingkah laku disruptif mengikut masa-masa yang ditetapkan. Kajian dijalankan ketika waktu pagi iaitu masa ke tiga sesi pembelajaran bermula, 30 minit selepas waktu rehat atau sebelum balik iaitu 30 minit sebelum berakhir sesi pembelajaran. Kekerapan murid bertingkah laku disruptif agak tinggi, di mana pada hari 1 dicatatkan sebanyak 7 kali, manakala hari 2 sebanyak 5 kali dan seterusnya hari 3 hingga 5 sebanyak 6 kali. Pada minggu kedua, pengkaji menggunakan kaedah intervensi kepada murid dengan kerjasama guru. Pengkaji menggunakan peneguhan positif sebagai teknik pengubahsuaian tingkah laku. Hasilnya kekerapan murid melakukan tingkah laku disruptif berkurang. Pada hari ke 7 sebanyak 3 kali kekerapan, seterusnya hari ke 8 meningkat kepada 4 kali, hari ke 9 mencatatkan rekod 3 kali kekerapan dan hari 10 sebanyak 3 kali kekerapan. Berdasarkan soal selidik, temubual dan pemerhatian kepada murid pengkaji mendapati murid lebih kurang melakukan tingkah laku disruptif pada hari Selasa dan Khamis kerana pada hari tersebut mempunyai jadual waktu bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Manakala, masa yang menunjukkan murid ini melakukan kekerapan tingkah laku disruptif ialah ketika waktu selepas rehat.

## **PERBINCANGAN**

Permasalahan yang dihadapi murid Sindrom Down yang mempunyai masalah tingkah laku disruptif iaitu pergerakan mobiliti yang suka bergerak di dalam kelas sekaligus mengganggu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dapat dilihat perubahan tingkah laku negatif kepada tingkah laku positif melalui pelaksanaan strategi pengubahsuaian tingkah laku. Kajian ini menggunakan Teori Pembelajaran Behavior yang memberi tumpuan kepada perubahan tingkah laku yang boleh diperhatikan. Lantaran itu, pengkaji mempunyai beberapa cadangan penambahbaikan pengurusan tingkah laku murid iaitu dengan melanjutkan tempoh intervensi dengan lebih lama agar intervensi yang dijalankan dapat mengurangkan kekerapan tingkah laku sekaligus tingkah laku tersebut mencapai tahap menjadi minima.

## **PENUTUP**

Secara kesimpulannya, strategi peneguhan positif kepada pengubahsuaian tingkah laku mampu memperlihatkan murid menunjukkan perubahan tingkah laku namun ia tidak dapat dihapuskan kerana kajian yang dijalankan hanya dalam tempoh masa yang singkat. Dalam konteks ini, mengkaji sesuatu tingkah laku harus dilakukan sebelum melakukan peneguhan ke atas seseorang murid khususnya kepada murid berkeperluan khas dengan tempoh masa tertentu agar mampu memberikan keberkesanan kepada kajian ini.

## **RUJUKAN**

Chapmann, R. S. 2003. Language development in children and adolescents with down syndrome. Baltimore: MD. Brookers

Heward. W. 2003. Exceptional Children: An Introduction to Special Education. Upper SaddlevRiver, NJ: Merrill Pre nice Hall

Roizen, N.J.1997. Down syndrome. In M.L. Batshaw (Ed.),Children with disabilities (4th edn., pp. 361–376). Baltimore,MD: Brookes.



### **ULASAN JURNAL 3**

**Tajuk Jurnal :** Supporting Slow Learners' In Learning Mathematics At Primary School Level

**Penulis :** Muhammad Shahid Farooq And Shumaila Aslam

**Jurnal :** Journal Of Elementary Education Volume 27, No. 2, Pp. 99-114

### **PENGENALAN**

Tugas sebagai seorang guru adalah untuk memastikan setiap murid dapat belajar dengan baik pada kadar kemampuan mereka sendiri. Isu berkaitan dengan murid bermasalah pembelajaran atau lambat dapat dikaitkan secara terus dengan teori perkembangan Vykotsky's (1978) digunakan dalam kajian ini. Murid yang mengalami masalah lambat ini sering ketinggalan dari segi pembelajaran dan pencapaian akademik mereka, ekoran itu murid lambat ini sering bergantung dan memerlukan bantuan daripada orang disekelilingnya agar dapat membantu mereka dalam pembelajaran. Bagi murid masalah pembelajaran ini, program inklusif telah disediakan bagi membantu murid bermasalah pembelajaran ini berkaitan pembelajaran. Misalnya bagi subjek matematik, murid bermasalah pembelajaran yang mempunyai masalah dengan kognitif mereka ini memerlukan pendekatan dan strategi yang khusus dalam membantu mereka dalam pembelajaran dan pengajaran matematik ini.

### **METADOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah kajian deskriptif yang berdasarkan kajian diri dan persampelan yang dijalankan dengan mengkaji 40 buah sekolah inklusif di daerah Lahore. Tetapi hanya 11 daripada 40 buah sekolah sahaja dipilih secara rawak dengan menggunakan teknik persampelan. Seramai 122 orang guru sekolah telah dipilih secara rawak bagi membantu kajian ini. Fokus kepada dua komponen iaitu masalah matematik dan strategi untuk menanganinya.

### **DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini mendapati murid yang mengalami masalah pembelajaran mempunyai kesukaran dalam mempelajari matematik dan memerlukan strategi dan langkah yang sesuai untuk mengajar matematik kepada murid-murid ini. Tanpa pengetahuan dan pemahaman yang jelas guru tidak mampu memberikan intervensi dan pengajaran yang sesuai kepada murid-murid ini. Kajian yang

telah dilakukan ini mendapati murid mengalami kesukaran dalam mempelajari bab nilai tempat dalam subjek matematik. Murid lembam ini juga jarang menggunakan pendekatan matematik di dalam aktiviti seharian mereka. Guru juga menggunakan pendekatan simbol bergambar, menggunakan lagu-lagu yang melibatkan kiraan bernombor, puisi, dan kerja berkumpulan semasa mengajar murid-murid masalah pembelajara ini.

## **PERBINCANGAN**

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid masalah pembelajaran dalam pembelajaran matematik serta mengenal pasti strategi yang sesuai digunakan untuk mengajar murid-murid ini secara berkesan. Hasil kajian menunjukkan bahawa murid menghadapi kesukaran dalam memahami konsep 'nilai tempat' dan mereka tidak dapat menggunakan konsep-konsep matematik dalam kehidupan seharian mereka. Menurut Vandivier dan Vandivier (2002) menjelaskan bahawa murid masalah pembelajaran mempunyai masalah menggunakan matematik dalam kehidupan sebenar situasi tetapi mereka boleh menggunakan konsep apabila mereka membeli barang dari kedai atau pasar. Murid masalah pembelajaran ini mempunyai masalah kognitif dimana mereka hanya menggunakan memori jangka pendek dalam pembelajaran mereka. Hal ini memberikan masalah utama kepada guru sehingga terpaksa menggunakan strategi pembelajaran yang sesuai. Justeru itu, disarankan agar pentadbiran sekolah menyediakan kelengkapan yang melibatkan visual dan audio serta bahan-bahan sesuai bagi membantu guru matematik mengajar murid lembam ini.

## **PENUTUP**

Secara kesimpulannya, strategi pengajaran khusus diperlukan oleh guru matematik supaya murid-murid masalah pembelajaran mampu mempelajari dan memahami konsep-konsep penting matematik pada peringkat sekolah rendah lagi. Akhir sekali, menurut Wahab dan Hamzeh (2014) mendapati bahawa pengalaman guru adalah penting untuk digunakan sebagai strategi pengajaran dalam kelas matematik inklusif di peringkat sekolah rendah kerana ia adalah tahap pengajaran dan pembelajaran yang sangat efektif, jika guru mempunyai pengalaman mengajar maka mereka menggunakan strategi yang lebih sesuai.

## **RUJUKAN**

Vandivier, P. L., & Vandivier, S. C. (2002). Teacher attitudes toward main streaming exceptional students. *Journal for Special Educators*, 7(3), 381-388.

Wahab, M, A., & Hamzeh, M. (2014). Teaching strategies used by mathematics teachers in the Jordan Public schools and their relationship with some variables. *American Journal of Educational Research*, 2(6), 2-6.

## **ULASAN JURNAL 4**

**Tajuk Jurnal :** Quality Of Life In Autism Spectrum Disorder

**Penulis :** Mandy Roy And Wolfgang Dillo

**Jurnal :** Journal Of Autism Issn 2054-992x | Volume 5 | Article 2

### **PENGENALAN**

Gangguan Spektrum Autisme (ASD) merupakan masalah perkembangan saraf yang mengganggu keupayaan seseorang bagi bersosial, berkomunikasi, memproses maklumat deria. Selain itu, seseorang yang menghidap Autism dikesan memiliki gejala ini bermula sebelum umur 3 tahun dan kebiasaanya tidak ada rawatan secara klinikal yang khusus untuk mereka yang menghidap gejala ini. Disamping itu, murid Autism juga hanya mampu memberikan perhatian mereka sekadar lima minit sahaja jika tidak dibimbing oleh guru dari segi tingkah laku ekoran masalah yang dihadapinya disebabkan kelewatan dalam perkembangan bahasa dan kognitif mereka. Lantaran itu, individu yang mengalami Gangguan Spektrum Autisme (ASD) ini menunjukkan masalah dengan interaksi sosial yang menyebabkan mereka mengalami kesukaran dalam pekerjaan dan persahabatan. Justeru itu, World Health Organization (WHO) mentakrifkan kanak-kanak autism ini adalah individu yang hidup dengan dunianya sendiri tanpa melibatkan budaya sekelilingnya. Oleh sebab itu, hipotesis yang dimajukan adalah untuk menilai mengenai kualiti hidup penduduk Jerman yang mengalami Gangguan Spektrum Autisme (ASD) ini.

### **METADOLOGI KAJIAN**

Kajian ini di jalankan dengan mengkaji 32 orang penduduk Jerman yang mengalami Gangguan Spektrum Autisme (ASD) yang terdiri daripada 18 orang wanita dewasa dan 14 orang lelaki dewasa lingkungan umur 22-50 tahun. Temubual telah dijalankan kepada responden selama 90 minit. Semasa temubual hubungan mata, peniruan ungkapan, intonasi, perasaan, dan kepekaan diperhatikan oleh pengkaji.

### **DAPATAN KAJIAN**

Malkina-Pykh dan Pykh menjelaskan bahawa kualiti hidup seseorang sebagai ukuran positif atau negatif yang kita lalui untuk kehidupan seharian kita. Dengan itu, mereka mencadangkan 3

domain penting iaitu persekitaran yang dibina, persekitaran sosial, dan persekitaran ekonomi. Kajian ini menfokuskan kepada 8 domain utama yang dijalankan selama 4 minggu kepada individu yang mengalami Gangguan Spektrum Autisme (ASD). Antara domaiannya adalah kecergasan, fungsi fizikal, ketahanan badan, persepsi kesihatan umum, fungsi peranan fizikal, fungsi perananan emosional, fungsi peranan sosial dan kesihatan mental. Kajian fizikal berfungsi yang telah dibuat menunjukkan tiada sebarang perbezaan yang signifikan antara penduduk Jerman yang normal dengan individu yang mengalami Gangguan Spektrum Autisme (ASD). Namun begitu kajian berkaitan fizikal berfungsi masih tidak jelas kerana terdapat beberapa masalah fizikal khusus yang sering berlaku kepada individu Autism yang terdiri daripada kemahiran motor halus dan kasar seperti hipotonia, apraxia serta masalah pemprosesan deria pendengaran dimana mereka sering terganggu dengan persekitaran yang bising..

## **PERBINCANGAN**

Kajian yang dijalankan ini mendapati penurunan kualiti kehidupan yang dihadapi oleh individu yang mengalami Gangguan Spektrum Autisme (ASD). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan 36 perkara borang soal selidik kesihatan dalam bentuk pendek kepada 32 orang dewasa yang mengalami Gangguan Spektrum Autisme (ASD). Hasil diperolehi menunjukkan individu yang mengalami Gangguan Spektrum Autisme (ASD) menunjukkan penderitaan yang agak tinggi dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini mendapati individu yang mengalami Gangguan Spektrum Autisme (ASD) akan terjejas dalam sektor-sektor yang berkaitan dengan interaksi sosial dan kecekapan sosial seperti peranan sosial dan peranan emosional. Sehubungan dengan itu, individu-individu ini akan mengalami kemerosotan yang besar dalam bidang ini. Ini adalah satu penemuan penting dalam kajian ini, bahawa individu yang mengalami Gangguan Spektrum Autisme (ASD) merasakan gangguan ini dengan cara yang kuat sebagai pengurangan kualiti hidup. Oleh itu, kajian ini membuktikan bahawa individu yang mengalami Gangguan Spektrum Autisme (ASD) menilai diri mereka sendiri dalam kehidupan seharian sebagai seseorang yang tidak berguna dan tidak memenuhi matlamat.

## **PENUTUP**

Kesimpulannya, kualiti hidup individu yang mengalami Gangguan Autisme Spektrum (ASD) bukan sahaja berkurangan dari segi emosi dan sosial serta kesejahteraan fizikal mereka. Oleh itu, kajian ini menunjukkan penderitaan yang dihadapi oleh individu yang mengalami Gangguan

Spektrum Autisme (ASD) yang menunjukkan penurunan dalam kualiti kehidupan mereka serta memerlukan intervensi terapi dan integratif.

## **RUJUKAN**

Malkina-Pykh IG and Pykh YA. Quality -of-life indicators at different scales: Theoretical background. *Ecolog Indic.* 2008; 8:854-862.

World Health Organization. WHOQOL Measuring Quality of Life. 1997